Kursus ini memberi fokus kepada pengajian keusahawanan dan kemahiran perniagaan dengan penekanan terhadap pelaksanaan pembelajaran secara interaktif. Para pelajar akan didedahkan dengan teori, konsep serta amalan keusahawanan yang berkesan. Mereka dikehendaki untuk mengendalikan satu projek inovasi atau perniagaan serta menyediakan satu Rancangan Perniagaan untuk merealisasikan inovasi tersebut.

PPB3142 PENGURUSAN ACARA

2 KREDIT

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar tentang proses berkaitan perancangan dan pengurusan dan operasi sesuatu acara. Kursus ini adalah menyeluruh dan melibatkan pelbagai peringkat bermula daripada penyediaan kertas cadangan dan belanjawan diikuti dengan perancangan dan penjadualan acara, pembentukan jawatankuasa, pengurusan logistik, pemasaran, siaraya dan keperluan lain dalam menjayakan sesuatu acara.

PFM3022 PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan aspek-aspek utama dalam perancangan kewangan keluarga seperti tabungan, perlindungan insurans, perancangan pendidikan anak-anak serta strategi pelaburan bagi meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Penekanan diberikan ke atas analisis perbelanjaan keluarga, pengurusan cukai individu, pengurusan kewangan sebelum persaraan serta kepentingan nilai masa wang.

KKP3032 KAUNSELING DALAM ISLAM

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan konsep dan keperluan kaunseling mengikut pandangan Islam. Kursus ini memfokuskan kepada kemahiran, teknik dan pendekatan kaunseling yang berpandukan amalan Islam. Kursus ini juga meningkatkan kemahiran dalam meneroka perbezaan dan persamaan pandangan antara kaunseling Barat dan Islam. Perbincangan tentang pembangunan ciri - ciri dan sikap kaunselor Muslim juga menjadi fokus kursus ini.

KKP3042 KEMAHIRAN BELAJAR

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan konsep kemahiran belajar serta teknik-teknik yang boleh dipelajari dari berbagai sumber. Kursus ini memfokuskan kepada kesesuaian kemahiran belajar mengikut personaliti diri individu yang terlibat dan bagaimana hendak mengadaptasikan kemahiran belajar dengan kesan yang optimum. Perbincangan tentang bagaimana menggunakan kemahiran belajar dengan teknik dan strategi yang betul dapat menjimatkan banyak masa untuk belajar. Beberapa model kemahiran belajar juga menjadi tumpuan dalam kursus ini.

KKP3022 PENGURUSAN STRES

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan tentang stres, ciri-ciri stres, implikasi stres, faktor-faktor stres, kaedah menangani stres berdasarkan kepada perubahan cara hidup, kaunseling dan psikoterapi dan rawatan fizikal, mencegah stres daripada kehidupan.

KKP3012 BIMBINGAN DAN PENASIHATAN

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan konsep pelaksanaan bimbingan dan penasihat di sekolah. Kursus ini memberi kefahaman mengenai budaya sekolah, gejala sosial dan isu-isu semasa dengan keperluan dan kepentingan aspek bimbingan dan penasihat. Kemahiran asas, pendekatan, strategi dan teknik dalam bimbingan dan penasihat juga menjadi tumpuan dalam kursus ini.

KBK3092 KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF MURID

2 KREDIT

BERKEPERLUAN KHAS

Kursus ini membincangkan tentang isu-isu kesihatan seksual dan reproduktif semasa murid-murid berkeperluan khas. Ia menerangkan tentang pendekatan yang boleh

diaplikasikan untuk mengajar murid-murid berkenaan tentang kesihatan seksual dan reproduktif. Ia juga menghuraikan tentang kepentingan berkomunikasi dengan ibu bapa dalam menangani masalah kesihatan seksual murid berkeperluan khas. Keselamatan diri serta pencegahan dari gejala gangguan dan penderaan seksual juga akan dibincangkan.

2 KREDIT

AMS3132 APLIKASI GITAR

Kursus ini dijadikan secara *hand-on* di mana pelajar mengaplikasikan teori dan amali melalui permainan gitar secara solo dan berkumpulan. Pelajar juga akan diperkenalkan teknik-teknik permainan tangan kanan dan kiri serta ciptaan lagu melalui gitar.

2 KREDIT

AMM3082 MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA

Kursus ini memberi pendedahan kepada beberapa muzik klasik, rakyat, sinkretik di Malaysia. Pelajar berpeluang mengenali dan mengkaji sejarah, pengaruh, fungsi dan elemen-elemen muzik dalam bentuk muzik masyarakat tersebut. Pelajar juga berpeluang mendapat pendedahan amali beberapa muzik tradisional yang dipilih seperti Wayang Kulit, Gendang Silat, Ghazal dan Keroncong.

2 KREDIT

AMM3012 APRESIASI SENI MUZIK

Kursus ini adalah pengenalan kepada seni mendengar muzik. Dengan memahami konsep-konsep dan elemen-elemen muzik, pelajar akan dapat mempelajari teknik-teknik pendengaran dan memahami bagaimana sesuatu muzik itu berbeza. Kursus ini juga akan membantu pelajar pengetahuan dalam menganalisis, membuat kritikan serta mengenali nilai sesebuah muzik yang melambangkan pelbagai sistem budaya, agama, politik, ekonomi dan sosial.

2 KREDIT

AMM3122 MUZIK POPULAR

Kursus ini ada kajian tentang perkembangan Muzik Popular Dunia dan pengaruhnya terhadap budaya Muzik Popular tempatan. Pelajar akan meneroka dan mengkaji perkaitan elemen muzik, sosial, ekonomi dan perkembangan teknologi dan bagaimana ianya dapat menterjemahkan nilai budaya, ideologi, ekonomi dan politik setempat.

2 KREDIT

HIS3012 MUAMALAT ISLAM

Kursus ini membincangkan konsep harta, aqad, transaksi serta instrumen-instrumen yang diiktiraf dalam Islam berasaskan fiqh klasik serta penggunaannya dalam muamalat semasa.

HGF3012 KONSERVASI AIR

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan sumber dan bekalan air, dan mengenal pasti kepentingan sumber air yang bersih dalam kehidupan. Ia juga mengenal pasti kegiatan manusia yang memberi ancaman kepada kualiti dan kuantiti air dan pelaksanaan amalan-amalan terbaik bagi memelihara keberterusan sumber air yang bersih dalam ekosistem.

MMA3022 ANIMASI

2 KREDIT

Kursus ini menekankan konsep dan prinsip yang terlibat dalam penghasilan animasi 2D. Ia menerangkan tentang sejarah dan perkembangan animasi 2D, papan cerita dan proses pembangunan animasi 2D. Ianya juga akan meningkatkan kemahiran dalam teknik animasi yang terkini bagi menambah nilai kualiti profesional kepada animasi.

MTP3022 INTEGRASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM PENDIDIKA

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan konsep, teori, amalan dan perkembangan teknologi dalam pendidikan. Penekanan adalah terhadap perisian komputer, pemilihan dan penilaian bahan teknologi yang bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran dan pengaplikasian bahan yang telah dipilih untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Isu-isu berkaitan etika dan hak cipta juga dibincangkan.

MMP3032 PENGARANGAN KOSWER MULTIMEDIA

2 KREDIT

Kursus ini menekankan kepada pelbagai hasil pengarangan koswer multimedia dalam pendidikan. Tumpuan diberikan kepada pengetahuan elemen multimedia, jenis koswer, metodologi pembangunan, perancangan, pengujian dan pelaksanaan koswer multimedia. Aplikasi model pembangunan disepadukan bersama pengetahuan berkaitan isu-isu multimedia, antara muka pengguna dan harta intelek dalam menghasilkan koswer multimedia yang inovatif dan kreatif dengan menggunakan perisian pengarangan.

MTS3042 PEMBANGUNAN BLOG DAN LAMAN WEB

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan konsep asas, isu dan teknik pembangunan dan pembahagian laman web dan blog. Penekanan diberikan kepada mereka bentuk laman Web dan blog menggunakan perisian pengarangan multimedia, bahasa pengaturcaraan asas dan memuat naik hasil laman Web dan blog.

2 KREDIT

MTD3062 APLIKASI PERKHIDMATAN INTERNET

Kursus ini membincangkan kemahiran asas komputer dan rangkaian teknologi Internet. Penekanan adalah terhadap konteks pembelajaran dunia nyata bagi melengkapkan diri dengan kemahiran teknikal, komunikasi, penyelesaian masalah dan semangat kerja berpasukan, isu semasa dan pembangunan baru di dalam mengimplementasikan teknologi Internet dalam dunia nyata.

2 KREDIT

ASP3082 KREATIVITI DALAM SENI VISUAL

Kursus ini membincangkan aspek kreativiti dalam Seni Visual dan kepentingan pemikiran kreatif, kritis dan efektif. Pengolahan idea, proses pengkaryaan dan penciptaan bentuk yang kreatif dan inovatif juga turut dibincangkan.

2 KREDIT

ASP3092 SENI DAN PENDIDIKAN

Kursus ini membincangkan peranan seni dalam kehidupan manusia. Kursus ini juga menjelaskan kepentingan aktiviti seni yang melibatkan imaginasi, kreativiti, inkuiri dan kritis secara menyeluruh dalam pendidikan.

2 KREDIT

ASL3082 ESTETIKA SENI VISUAL

Kursus ini memberi pengalaman melihat, merasai, menikmati, menganalisis dan menghargai aspek-aspek keindahan dalam seni visual. Kursus ini juga bertujuan untuk membentuk dan memperluaskan222 minda pelajar untuk memahami kepelbagaian budaya. Prinsip-prinsip keindahan yang selaras dengan keperluan, keselesaan dan kesejahteraan hidup individu, masyarakat dan bangsa yang diolah di dalam karya-karya kreatif, turut dibincangkan.

2 KREDIT

AVD3102 STUDIO REKA BENTUK GRAFIK

Kursus ini menjelaskan kepada para pelajar teori dan aspek praktikal reka bentuk grafik. Menghubunkaitkan elemen reka bentuk dan asas reka bentuk grafik. Menghuraikan secara terperinci peranan dan fungsi reka bentuk grafik dalam bidang seni komunikasi visual. Fokus kursus ini adalah kepada penerokaan aspek teori dan praktikal reka bentuk grafik dalam menghasilkan karya yang mempunyai mesej yang tersurat dan tersirat. Pelajar juga didedahkan kepada aplikasi perisian komputer grafik yang menjadi nilai tambah dalam menghasilkan sebuah karya grafik yang bersesuaian.

AVD3112 ILUSTRASI

2 KREDIT

Kursus ini akan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang prinsip-prinsip asas, dan teknik dalam menguasai kemahiran melukis. Pelajar akan mempelajari tentang disiplin melukis berasaskan kaedah yang betul, dan aplikasi komputer yang boleh membantu pelajar menguasai kemahiran menggambar serta membuat *storyboard* bagi menyampaikan idea dan konsep.

AVD3122 FOTOGRAFI

2 KREDIT

Kursus ini memfokuskan kepada pengenalan bidang fotografi. Panduan pembelajaran fotografi membantu para pelajar menguasai aspek teknikal, kreativiti dan tahap artistik dalam proses merakam visual. Melalui fotografi pelajar didedahkan konsep dan asas dalam seni komunikasi visual. Pengalaman melalui pengamatan terhadap alam, flora dan fauna dijadikan tugas untuk kursus ini. Kursus ini akan mempamerkan karya fotografi secara disiplin galeri pameran sebagai penilaian akhir.

QUI3012 KEMAHIRAN REKREASI DARAT

2 KREDIT

Kursus ini memfokuskan kepada pengurusan dan latihan kemahiran asas dalam aktiviti rekreasi darat. Mengaplikasikan kaedah sains sukan khusus untuk membina kecergasan dan kemahiran dalam setiap aktiviti. Aspek pengetahuan asas dalam aktiviti rekreasi darat juga turut dibincangkan.

QUI3022 KEMAHIRAN REKREASI AIR

2KREDIT

Kursus ini membincangkan aspek-aspek pengetahuan asas, peralatan, teknik dan pengurusan sistematik dalam aktiviti rekreasi air. Penumpuan khusus ditekankan terhadap kemahiran, keyakinan diri, kecergasan fizikal dan mental dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah sains sukan.

BMK3052 ASAS KEWARTAWANAN

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan konsep dan teori kewartawanan dalam media cetak. Antara aspek yang dibincangkan ialah teknik penulisan berita dan rencana, fungsi editorial, kewartawanan foto, etika, agenda media, sumber berita, penyuntingan, reka bentuk dan reka letak, akta media cetak serta cabaran dalam bidang kewartawanan.

2 KREDIT

BIK3052 PEMIKIRAN KRITIS

Kursus ini membincangkan elemen-elemen dalam pemikiran kritis dan teori-teori kognitif yang berkaitan dengan pemikiran kritis. Kursus ini menumpukan pada proses kognitif yang berlaku ketika murid melaksanakan sesuatu tugas. Pelajar dikehendaki menggunakan pelbagai kemahiran berfikir bagi membincangkan isu-isu terkini.

2 KREDIT

BSK3082 PENULISAN PUISI UNTUK PENERBITAN

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kemahiran penciptaan puisi Melayu, khususnya puisi Melayu moden bagi tujuan penerbitan. Aspek teknikal penulisan dan proses penerbitan diberi tumpuan dalam kursus ini. Selain itu, pelajar juga diberi panduan memahami proses kreatif sebagai pengetahuan asas dalam penciptaan karya puisi.

2 KREDIT

BAK3012 BAHASA ARAB KOMUNIKASI I

Kursus ini menekankan penguasaan asas bahasa Arab. Penekanan diberikan kepada pengenalan huruf-huruf Arab, cara sebutan dan bacaannya. Pelajar juga diajar kemahiran asas komunikasi di dalam bahasa Arab seperti kemahiran mendengar, bercakap, menulis dan membaca.

2 KREDIT

BCK3012 BAHASA MANDARIN KOMUNIKASI 1

Kursus ini menekankan penguasaan asas bahasa Cina. Fokus diberi kepada aspek pembentukan suku kata dalam bahasa Cina, perubahan suku kata dalam percakapan dan simbol fonetik Cina berasaskan Hanyu Pinyin. Pelajar juga diajar cara menulis strok-strok asas tulisan Cina dan kemahiran asas komunikasi bahasa Cina seperti kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis.

2 KREDIT

BPK3012 BAHASA SEPANYOL KOMUNIKASI 1

Kursus ini menekankan penguasaan kemahiran asas komunikasi dalam bahasa Sepanyol seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Perbincangan juga diadakan mengenai amalan penduduk di negara yang menuturkan bahasa Sepanyol.

BGK3012 BAHASA JERMAN KOMUNIKASI 1

2 KREDIT

Kursus ini menekankan penguasaan asas bahasa Jerman. Penekanan diberi kepada menguasai kemahiran bertutur dan menulis, mengenali huruf-huruf 'Umlaut' dan nombor dalam penulisan bahasa Jerman. Fokus juga diberi kepada mempelajari tatabahasa asas, istilah jantina, kata kerja dan konjugasi. Pelajar juga diajar mengenai budaya dan masyarakat Jerman menerusi puisi, lagu-lagu dan bahan-bahan cetakan dari Internet.

BFK3012 BAHASA PERANCIS KOMUNIKASI 1

2 KREDIT

Kursus ini menekankan penguasaan kemahiran asas bahasa Perancis. Pelajar diajar sistem fonetik, huruf, frasa kata dan asas tulisan bahasa Perancis. Fokus juga diberi terhadap menguasai kemahiran asas berkomunikasi dalam bahasa Perancis seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

BJK3012 BAHASA JEPUN KOMUNIKASI 1

2 KREDIT

Kursus ini menekankan penguasaan kemahiran asas bahasa Jepun. Pelajar diajar sistem fonetik, huruf dan frasa kata bahasa Jepun. Ini termasuk cara sebutan huruf, frasa kata dan tulisan Jepun seperti romanji, hiragana, katakana. Fokus juga diberi kepada menguasai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Jepun seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

BNK3043 BAHASA IBAN KOMUNIKASI

2 KREDIT

Kursus ini memberi tumpuan terhadap kemahiran komunikasi yang berkesan dalam pelbagai konteks dan aktiviti seharian. Penekanan kursus ini meliputi pengenalan kepada sistem asas bahasa Iban untuk mengembangkan kemahiran mendengar, penghasilan pertuturan, pengurusan percakapan dan penulisan pesanan ringkas.

BNK3053 BAHASA IBANKON TEKSTUAL

2 KREDIT

Kursus ini memberi tumpuan terhadap kemahiran-kemahiran komunikasi kontekstual secara lisan dan bertulis dalam bahasa Iban. Fokus kursus ini meliputi konsep komunikasi kontekstual dan pengukuhan dinamik komunikasi dalam konteks-konteks tertentu. Tujuan kursus ini ialah untuk melatih kemahiran-kemahiran yang boleh mengembangkan kemahiran interpersonal dalam dinamik komunikasi dengan menggunakan bahasa Iban.

SSF3012 PENGENALAN ASTRONOMI

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan sistem suria dan kandungannya seperti Bumi, Bulan, Matahari dan planet-planet. Ia juga membincangkan mikrograviti, penjelajahan angkasa dan roket air.

SSF3022 PEMIKIRAN SEORANG SAINTIS

2 KREDIT

Kursus ini membincangkan definisi sains dan penyelidikan, sejarah dan perkembangan ketamadunan, termasuk ketamadunan Islam. Kursus ini juga merangkumi sejarah sains dan penerima anugerah 'Nobel Laureate', sejarah penemuan, bidang dan budaya penyelidikan sains, serta keazaman dan keupayaan berfikir para saintis dalam mencetuskan penemuan-penemuan baru. Kursus ini menggalakkan pelajar untuk berbincang, menganalisis, menilai dan mengadili pendapat mereka terhadap isu ini.

SINOPSIS KURSUS MAJOR

IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEJARAH – AT32)

HSA3013 PRASEJARAH DAN PROTOSEJARAH ASIA TENGGARA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan kemunculan dan perkembangan masyarakat prasejarah dan protosejarah di tanah besar dan kepulauan Asia Tenggara. Kajian ditumpukan kepada kepentingan zaman prasejarah hingga protosejarah dengan memberi tumpuan kepada aspek perkembangan teknologi litik, corak petempatan, kegiatan ekonomi, kepercayaan dan kesenian.

HSA3023 ASIA TENGGARA ABAD KE-9 HINGGA 18

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan perkembangan sejarah Asia Tenggara bermula dari abad ke-9 sehingga abad ke-18. Fokus perbincangan ialah perkembangan sosial, ekonomi dan masyarakat di rantau ini termasuk semasa berhadapan dengan pengaruh luar terutamanya dari India, China dan kuasa-kuasa Barat.

HSA3033 ASIA TENGGARA ABAD KE-19

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan perkembangan Asia Tenggara dari pelbagai aspek termasuklah perkembangan sosiopolitik, ekonomi dan hubungan serantau sehingga penghujung abad ke-19. Fokus ditumpukan kepada perubahan yang berlaku setelah tertubuhnya rejim kolonial Barat. Perkembangan negara-negara seperti Indonesia, Myanmar, Indochina dan Filipina juga dibincangkan. Ini termasuklah impak zaman penjajahan Barat ke atas Asia Tenggara.

HSA3043 ASIA TENGGARA ABAD KE-20

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan perkembangan sosio-politik dan ekonomi di Asia Tenggara sejak awal kurun ke -20. Ia meliputi definisi, konsep dan kemunculan semangat kebangsaan dan negara bangsa di Asia Tenggara selepas Perang Dunia Kedua. Fokus juga diberikan kepada isu masyarakat berbilang kaum, hubungan serantau Asia Tenggara, perkembangan teknologi maklumat, alam sekitar dan globalisasi di Asia Tenggara.

HSB3013 EROPAH Abad Ke-16 Hingga 20

3 KREDIT

Kursus ini memfokuskan perbincangan mengenai sejarah masyarakat Eropah diantara tahun 1500-1955. Ia memfokuskan kebangkitan Eropah melalui perubahan yang berlaku. Perubahan-perubahan ini telah membawa kepada berakhirnya era kemunduran yang dilalui oleh masyarakat Eropah kepada era zaman moden. Peristiwa pada abad kedua puluh turut dibincangkan seperti Perang Dunia Pertama dan Kedua serta permulaan perang dingin di Eropah.

HSE3013 ASIA TIMUR ABAD KE-19

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan sejarah Asia Timur khususnya di China dan Jepun pada abad ke-19. Tumpuan kursus adalah menganalisis kedatangan kuasa-kuasa Barat ke Asia Timur yang membawa perubahan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial di Asia Timur.

HSE3023 ASIA TIMUR ABAD KE-20

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan perkembangan dan perubahan yang berlaku di Asia Timur khususnya China dan Jepun dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Perbincangan turut memfokuskan penglibatan Asia Timur dalam Perang Dunia Pertama dan Kedua serta kesannya kepada negara di Asia Timur.

HSF3013 PERKEMBANGAN ISLAM DI ASIA BARAT

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan perkembangan sejarah Islam di Asia Barat bermuladarizamanPra-Islam, zamanNabi Muhammad S.A.W, ZamanKhulafa, BaniUmaiyyah, Bani Abbasiyah sehingga kejatuhan Turki Uthmaniyah

HSI3023 ISLAM DI ASIA TENGGARA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan kedatangan Islam ke Asia Tenggara. Perbincangan turut menyentuh perkembangan masyarakat Islam dengan merujuk kepada kerajaan-kerajaan muslim di Asia Tenggara.

3 KREDIT

HSM3013 MALAYSIA : MELAKA HINGGA

NEGERI-NEGERI MELAYU BARU

Kursus ini membincangkan kemunculan dan kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka pada kurun ke-15 hingga ke-16. Kegemilangannya menarik minat kuasa asing seperti Portugis dan Belanda yang akhirnya menakluki Melaka. Setelah kejatuhan Melaka, muncul pula kerajaan Johor-Riau Lingga pada kurun ke-17 hingga ke-19 yang memberi saingan kepada kuasa Belanda. Kursus ini turut menyentuh mengenai sejarah awal Sabah dan Sarawak dari aspek sosial, ekonomi dan politik.

3 KREDIT

HSM3023 MALAYSIA ABAD KE-19

Kursus ini membincangkan masyarakat Melayu pada abad ke-19. Kedatangan dan penjajahan British di Malaysia sekitar tahun 1800 hingga 1900 turut diberikan perhatian. Fokus utama ialah reaksi dan interaksi penduduk tempatan terhadap kuasa British akibat pengenalan sistem pemerintahannya.

3 KREDIT

HSM3033 SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA

Kursus ini menjelaskan fungsi ekonomi pada masa yang lalu dan menghubungkannya dengan isu-isu politik dan sosial. Tema-tema penting dijuruskan kepada perubahan-perubahan dan pembangunan ekonomi dan kesannya, termasuk kesan-kesan negatif, hal-hal yang bersabit dengan kemerosotan ekonomi, sebab-sebab dan kesan-kesan dasar ekonomi pada zaman pra-kolonial, kolonial dan pasca kemerdekaan

3 KREDIT

HSM3043 MALAYSIA ABAD KE- 20

Kursus ini membincangkan perkembangan sejarah Malaysia sepanjang abad ke-20. Tema utamanya mencakupi aspek perubahan dan kesinambungan akibat dari perkembangan dan perubahan sosial, ekonomi dan politik. Kursus ini memberi penekanan kepada peristiwa penting dalam proses kewujudan dan perkembangan kenegaraan Malaysia.

3 KREDIT

HSR3013 SEJARAH DAN PENSEJARAHAN

Kursus ini adalah pengenalan kepada ilmu sejarah. Penekanan diberikan kepada teori, konsep, falsafah dan kaedah sejarah secara komprehensif. Ini diikuti dengan aliran pemikiran dan perkembangan penulisan sejarah.

HSR3023 PENYELIDIKAN DAN PENULISAN SEJARAH

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan sumber/dokumen primer, tradisional dan moden yang digunakan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah. Ia juga menekankan kepentingan mengenal pasti kesahihan sumber termasuk unsur-unsur plagiat. Ia diikuti dengan penyediaan satu kertas cadangan penyelidikan yang mengandungi tajuk, tinjauan kajian terdahulu dan objektif kajian.

HSS3013 ASIA SELATAN ABAD KE-20

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan sejarah Asia Selatan abad ke-19 hingga abad ke-20. Fokus utama ialah perkembangan masyarakat di rantau tersebut meliputi aspek sosial, ekonomi dan politik. Perhatian diberikan kepada reaksi dan interaksi penduduk tempatan terhadap kuasa British dan kebangkitan serta perkembangan gerakan kebangsaan.

HSR3996 PROJEK TAHUN AKHIR

6 KREDIT

Kursus ini merupakan latihan untuk menghasilkan satu penulisan sejarah secara Ilmiah. Penekanan diberikan kepada proses penulisan berdasarkan metodologi penulisan sejarah seperti pentakrifan, objektif, permasalahan kajian, mentafsir dan menganalisa data. Idea dipersembahkan dalam bentuk penulisan projek penyelidikan sepanjang 18,000 – 20,000 perkataan.

IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (GEOGRAFI – AT33)

HGF3013 PENGANTAR PERSEKITARAN FIZIKAL

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan pendekatan sistem dalam persekitaran fizikal. Penekanan diberikan kepada proses dan bentuk dalam atmosfera, hidrosfera, litosfera, pedosfera dan biosfera.

HGF3023 KAJIAN SUMBER ALAM DAN ALAM SEKITAR

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan konsep sumber alam dan pengurusan alam sekitar. Bahagian Pertama akan menghuraikan sumber alam dan hubungannya dengan ekonomi, budaya dan ekosistem. Sumber-sumber alam yang disentuh merangkumi elemen tenaga, tanah, hutan, air, mineral, dan hidup-hidupan lain. Bahagian kedua membincangkan kesan pengeksploitasian sumber alam terhadap kualiti alam sekitar. Masalah alam sekitar yang berkait dengan proses pembangunan akan turut ditinjau.

HGF3033 PRINSIP-PRINSIP GEOMORFOLOGI

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan perkembangan proses pembentukan permukaan bumi akibat proses geomorfologi meliputi luluhawa, hakisan, pengangkutan, pemendapan dan pergerakan jisim. Ia akan memfokuskan kawasan kars, lembangan sungai dan geomorfologi pinggir pantai di kawasan tropika. Pelajar juga akan didedahkan kepada kerja lapangan di tapak dengan menggunakan sumber-sumber data ruangan bagi pemetaan proses geomorfologi. Morfologi kawasan terlipat, tersesar, batu kapur dan vulkanisme juga akan dibincangkan.

HGF3043 KAJIKLIM

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan tenaga dan kandungan atmosfera, imbalan tenaga solar dan suhu, kerpasan dan kelembapan, dinamik edaran dan kitaran dalam atmosfera, faktor pembentukan iklim, sistem klasifikasi iklim, iklim-iklim dunia, gangguan kawasan tropika, perubahan iklim, iklim terdahulu dan kesan perubahan iklim kepada manusia.

HGF3053 BIOGEOGRAFI

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan unsur-unsur asas dalam kajian biogeografi dan peranan tenaga dalam kepelbagaian biologi. Penekanan juga diberikan kepada proses tertonik dan bencana alam yang mengubah biome dunia.

HGF3063 KAJIAN HIDROLOGI TROPIKA

3 KREDIT

Kursus ini memberi fokus kepada prinsip asas hidrologi dengan tumpuan kepada kawasan beriklim tropika. Penekanan diberikan kepada kitar hidrologi, aliran sungai, air bawah tanah, simpanan air dan interaksi antara elemen persekitaran fizikal dan kegiatan manusia.

HGR3013 TEKNIK-TEKNIK DAN KAEDAH KUANTITATIF DALAM GEOGRAFI

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan teori dan penggunaan kaedah kuantitatif serta teknik-teknik dalam bidang geografi. Penekanan diberikan dalam penggunaan statistik dalam pemprosesan data, interpretasi peta topografi dan kartografi.

HGR3023 METODOLOGI PENYELIDIKAN DALAM GEOGRAFI

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan pendekatan dan kaedah penyelidikan asas dalam geografi. Penekanan akan diberikan terhadap perlaksanaan kaedah penyelidikan dan pengurusan data penyelidikan. Ianya juga merangkumi kaedah menganalisis data secara berkomputer. Kaedah pengumpulan, pengurusan dan analisis data geografi dan menggunakan data tersebut bagi menjelaskan pelbagai fenomena geografi fizikal dan manusia. Setiap pelajar dikehendaki menyediakan satu saranan penyelidikan dan berasaskan saranan itu serta penyelidikan yang dijalankan menghasilkan satu kertas projek.

HGM3013 PENGANTAR PERSEKITARAN MANUSIA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan unsur asas dalam kajian geografi manusia yang menjelaskan tindakan, pergerakan dan aktiviti manusia. Hubung kait antara manusia dan alam sekitar, penduduk dan ciri-ciri kependudukan, migrasi antarabangsa dan dalaman sesebuah negara, petempatan bandar dan desa, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, dan kesan pembangunan terhadap alam sekitar merupakan aspek penting yang dibincangkan.

HGM3033 GEOGRAFI PENDUDUK

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan beberapa teori penduduk terutama teori pertumbuhan penduduk, teori migrasi dan teori peralihan demografi. Konsep-konsep kepadatan, taburan, komposisi serta struktur umur dan jantina juga akan dibincangkan. Huraian dan penjelasan tentang teori dan konsep-konsep tersebut akan dibuat melalui pelbagai rajah, carta dan jadual yang mengandungi data penduduk seluruh dunia, wilayah dunia tertentu dan juga negara-negara tertentu termasuk Malaysia.

HGM3023 GEOGRAFI EKONOMI DAN PEMBANGUNAN

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan kepelbagaian struktur ekonomi mengikut ruangan; sektor ekonomi dengan perdagangan; hubung kait pelaburan terus asing dan syarikat multinasional dengan transformasi ekonomi di peringkat nasional dan global.

HGM3063 GEOGRAFI MALAYSIA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan geografi Malaysia dari perspektif wilayah dan hubungan ruwang. Elemen fizikal, manusia dan alam sekitar serta isu-isu pembangunan di Malaysia juga dibincangkan.

HGM3043 GEOGRAFI BANDAR DAN METROPOLITAN

3

Kursus membincangkan elemen yang terkandung dalam konteks Geografi Bandar dan Metropolitan. Kursus ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian pertama menghuraikan latar belakang bidang geografi bandar dan metropolitan seperti sejarah pembandaran dan teori-teori awal. Bahagian kedua dan ketiga menjelaskan tentang sistem bandar dan globalisasi bandaraya. Bahagian keempat, struktur dalam sesebuah bandar seperti pengangkutan, perumahan, politik akan dibincangkan dan bahagian terakhir akan membincangkan tentang isu-isu dalam konteks bandar dan pembandaran.

HGM3053 GEOGRAFI WILAYAH ASIA MONSUN

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan negara-negara di Asia Monsun. Analisis ditumpukan kepada latar belakang fizikal, sumber-sumber alam, penduduk, ekonomi, pembangunan, serta masalah-masalah yang dihadapi. Analisis ini dibuat untuk menjelaskan jurang antara negara-negara kaya dan miskin. Analisis wilayah akan memberi tekanan kepada isu-isu

semasa termasuk globalisasi, alam sekitar, migrasi, konflik sempadan dan kerjasama wilayah.

HGG3013 SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI **3 KREDIT**

Kursus ini membincangkan konsep, teori dan aplikasi asas dalam GIS. Ia merangkumi kemahiran menggunakan perisian GIS, mencerap dan menganalisis data, menghasilkan peta dan mempersembahkan laporan.

HGG3023 APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) DAN ANALISIS RUANGAN **3 KREDIT**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar aspek-aspek berkaitan analisis ruangan yang diintegrasikan dengan teknologi sistem maklumat geografi (GIS). Sepanjang mengikuti kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan beberapa teknik dalam menganalisis ruangan. Selain itu, pelajar juga berpeluang untuk menggunakan perisian ArcGIS bagi melaksanakan proses menganalisis ruang.

HGR3996 PROJEK TAHUN AKHIR **6 KREDIT**

Kursus ini merupakan satu penulisan akademik yang bersifat empirikal, dihasilkan melalui kajian tentang permasalahan tertentu yang berkaitan dengan ruang dan masa. Kualiti laporan projek ditentukan berdasarkan kepada kesesuaian konsep dan skop kajian, analisis dan perbincangan penemuan kajian, penghujahan, bukti berkaitan dan kebulatan keseluruhan kajian serta sumbangan dan kepentingan kajian terhadap bidang akademik dan pembangunan negara.

IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM – AT35)

HIA3013 IMAN DAN KEHIDUPAN **3 KREDIT**

Kursus ini membincangkan konsep iman bertunjangkan paradigma tauhid serta penghayatannya dalam kehidupan seharian Muslim. Penekanan diberikan kepada tuntutan setiap rukun iman dalam kehidupan yang menjadi asas ibadah, syariah dan akhlak selain memfokuskan kepada kepercayaan dan amalan yang merosakkan iman dan amal seperti syirik, ajaran sesat, bidaah dan khurafat serta ideologi yang bertentangan dengan Islam.

3 KREDIT

HIA3023 AKHLAK

Kursus ini membincangkan konsep akhlak Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Penekanan diberikan kepada akhlak Rasulullah S.A.W sebagai model unggul pendidik dan pemimpin ummah dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Kursus ini juga memberi tumpuan kepada pembentukan akhlak *mahmudah* dan akhlak *mazmumah*.

3 KREDIT

HIA3033 PEMIKIRAN ISLAM SEMASA

Kursus ini membincangkan definisi dan sejarah perkembangan pemikiran Islam. Penekanan diberikan kepada tokoh pemikir Islam semasa dan pemikiran mereka berkaitan *Islah*, *tajdid* dan *islamisasi* dalam aspek sosio-ekonomi dan sosio-politik.

3 KREDIT

HIB3013 BAHASA ARAB KOMUNIKASI

Kursus ini memberi tumpuan kepada kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab berdasarkan penggunaan teks tafsir al-Quran, Hadith, fiqh dan isu-isu semasa. Penekanan diberikan kepada kemahiran bertutur dan membaca melalui penguasaan perbendaharaan kata yang tepat.

3 KREDIT

HIH3023 APLIKASI TATABAHASA BAHASA ARAB

Kursus ini memberi tumpuan kepada kemahiran menggunakan tatabahasa Arab dalam penulisan. Latihan penulisan bermula daripada menulis ayat dan karangan yang mudah hingga kepada mengaplikasikan gaya bahasa Arab berdasarkan tatabahasa yang betul

3 KREDIT

HIH3013 ILMU-ILMU AL-HADITH

Kursus ini membincangkan beberapa istilah dan pembahagian dalam ilmu Hadith, tokoh ulama Hadith, kitab utama Hadith, *al-Jarh wa al-Ta'dil* dan *Takhrij al-Hadith*, cabaran serta penyelewengan dalam bidang Hadith.

3 KREDIT

HIQ3013 ILMU-ILMU AL-QURAN

Kursus ini membincangkan isu utama berkaitan dengan ilmu-ilmu al-Quran. Ia mencakupi bentuk ayat al-Quran, mukjizat al-Quran, tafsir, cara bacaan al-Quran dan pandangan orientalis terhadap al-Quran.

HIQ3023 KEMAHIRAN AL-QUR'AN

3 KREDIT

Kursus ini memberi tumpuan kepada kemahiran membaca al-Quran secara bertajwid. Ia meliputi sejarah dan perkembangan ilmu tajwid, bacaan secara Qiraat, tarannum dan menghafaz sebahagian daripada surah al-Baqarah.

HIQ3033 KAJIAN TEKS AL-QURAN DAN HADITH

3 KREDIT

Pra Syarat : Lulus HIQ3013 Ilmu-Ilmu Al-Qur'an dan lulus HIH3013 ilmu-ilmu Hadith

Kursus ini membincangkan metodologi kajian teks al-Quran dan Hadith. Tema utamanya adalah berkaitan dengan kepentingan ilmu, dakwah, ekonomi, teknologi dan keagamaan. Penekanan diberikan untuk mengkaji teks al-Quran dan Hadith secara tematik dan analitik.

HIS3013 FIQH IBADAH

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan ibadah khusus dan umum. Perbincangan mencakupi pengertian, pendalilan hukum dan pandangan ulama dengan penekanan diberikan kepada Mazhab Syafii.

HIS3023 USUL FIQH

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan ilmu usul fiqh dari segi konsep dan perkembangannya. Penekanan diberikan kepada konsep hukum, sumber-sumber hukum Islam dan isu-isu ijtihad. Perbincangan juga menyentuh beberapa kaedah mengeluarkan hukum daripada sumber-sumbernya.

HIS3033 FIQH MUNAKAHAT

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan konsep undang-undang kekeluargaan Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah. Perbincangan difokuskan kepada tiga aspek penting undang-undang keluarga Islam iaitu proses pra perkahwinan, kelangsungan perkahwinan dan pembubaran perkahwinan. Isu-isu semasa berkaitan kekeluargaan Islam turut dibincangkan.

3 KREDIT

HIS3043 SYARIAH DAN KEHIDUPAN

Kursus ini membincangkan Syariah Islam dengan menumpukan kepada konsep Hukum dan Undang-undang Islam. Tumpuannya menganalisis perkembangan pandangan fuqaha' tentang hukum syarak. Ini termasuklah *maqasid syariah* sebagai landasan pencegahan dan penyelesaian permasalahan masyarakat serta persoalan fiqh semasa yang merangkumi ibadat, muamalat, kekeluargaan, siasah, jenayah dan kehakiman.

3 KREDIT

HIP3013 SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM

Kursus ini membincangkan sejarah pendidikan bermula dari zaman Rasulullah S.A.W sehingga kini. Ia memfokuskan tentang sejarah perkembangan ilmu naqli dan aqli, institusi-institusi ilmu dan kemunculan ulama dalam pelbagai ilmu serta pemikiran pendidikan tokoh-tokoh Islam seperti al-Qabisi, Ibnu Maskawaih, al-Zarnuji, Ibnu Khaldun, al-Ghazali dan al-Syaibani. Perbincangan juga mengambil kira pelaksanaan sistem pendidikan sepanjang zaman pemerintahan Islam. Pendedahan juga diberikan kepada perkembangan Pendidikan Islam di nusantara Melayu termasuk Malaysia.

3 KREDIT

HID3013 DAKWAH DAN PENDIDIKAN

Kursus ini akan membincangkan integrasi falsafah, teori dan ilmu dakwah dan tarbiyah di dalam Islam berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah serta pandangan ulamak muftakar di dalam bidang dakwah dan tarbiyah. Pelajar akan menganalisis dan menilai secara kritis berkaitan metodologi, teori dan pendekatan dakwah dan tarbiyyah di dalam Islam yang berkesan. Pelajar akan diberi peluang untuk mengaplikasikan beberapa kaedah berkaitan metodologi, teori dan pendekatan dakwah dan tarbiyah di dalam Islam diinstitusi pendidikan. Pendedahan metodologi dakwah dan tarbiyah secara tradisional dan konvensional akan diberikan melalui pengendalian program luar bilik darjah dan aktiviti ko-kurikulum.

3 KREDIT

HIR3013 KAEDAH PENYELIDIKAN PENGAJIAN ISLAM

Kursus ini menganalisis konsep penyelidikan Pengajian Islam. Ia juga membincangkan cara menyediakan cadangan kajian yang meliputi pernyataan masalah, tinjauan literatur, metodologi kajian, pengumpulan dan interpretasi data serta laporan hasil kajian.

6 KREDIT

HIR3996 PROJEK TAHUN AKHIR

Kursus ini merupakan latihan untuk menghasilkan satu penulisan kertas projek pengajian Islam secara ilmiah. Penekanan diberikan kepada proses penulisan berdasarkan metodologi penulisan pengajian Islam seperti pentakrifan, objektif, permasalahan kajian, sorotan literatur, pengumpulan dan interpretasi data serta penulisan laporan kajian di bawah pengawasan penyelia.

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN MALAYSIA DENGAN PENDIDIKAN – AT58

HNG3023 PERBANDARAN DI MALAYSIA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan perbandaran di Malaysia sejak merdeka. Ia termasuk pentadbiran dan sistem perundangan berkaitan pembangunan bandar serta dasar pembangunan nasional; isu-isu perbandaran seperti urbanisasi, gaya hidup bandar, setinggan, kemiskinan dan alam sekitar.

HNG3033 PEMBANGUNAN WILAYAH

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan pembangunan wilayah dan desa. Ia merangkumi isu, prinsip dan dasar utama dalam pembangunan pelbagai wilayah di Malaysia. Perbincangan menyentuh perubahan dan pembaharuan dalam pembangunan wilayah di Malaysia dengan menekankan kepada fungsi, strategi dan aktiviti.

HNG3043 PEMBANGUNAN LESTARI

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan prinsip utama konsep pembangunan lestari yang merangkumi peranan pendidikan dalam meningkatkan proses pembangunan negara. Isu-isu persekitaran sejagat seperti peningkatan suhu global, biodiversiti dan bencana alam ekoran aktiviti pembangunan turut dibincangkan.

HNH3013 PEMBENTUKAN DAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

3 KREDIT

Kursus ini memberi fokus kepada proses pembentukan dan pembinaan negara bangsa Malaysia sejak merdeka. Kajian dibuat terhadap tahap-tahap penting perkembangan proses tersebut iaitu dari tahap awal pembinaan negara bangsa hingga sistem demokrasi raja berperlembagaan. Ini termasuk isu-isu kewarganegaraan, kedudukan istimewa Melayu, bahasa dan kebudayaan kebangsaan, raja dan Islam sehingga pembentukan negara berteraskan prinsip asimilasi, integrasi dan langkah-langkah afirmatif, konsep bangsa Malaysia, Wawasan 2020 dan Islam Hadhari.

HNH3023 PERKEMBANGAN ALIRAN PEMIKIRAN POLITIK DI MALAYSIA 3 KREDIT

Kursus ini menekankan kajian perkembangan intelektual di Malaysia khususnya perkembangan aliran pemikiran politik dan sosio-ekonomi sehingga masa kini. Tumpuan akan diberikan kepada pemikiran politik seperti nasionalisme, neo-kolonialisme dan demokrasi di Malaysia; liberalisme dan radikalisme, sosialisme-komunisme; teori dan amalan mengenai bangsa dan etnik; Islam dan masyarakat; konsep masyarakat hadhari atau *civil society* dan hak asasi manusia.

HNH3033 ISLAM DALAM PERKEMBANGAN MASYARAKAT MALAYSIA 3 KREDIT

Proses yang membawa kepada pengislaman orang Melayu merupakan penumpuan permulaan kursus. Ini bertujuan bagi menjelaskan kepentingan peristiwa ini dalam mengubah hala tuju dan pemikiran masyarakat Melayu hingga kini. Bagi tema ini, perbincangan merangkumi teori pengislaman, kesan pengislaman dan cabaran yang dihadapi berikutan penjajahan Barat. Kesan pengislaman yang membawa kepada peranan penting Timur Tengah dalam membentuk pemikiran agama dan politik masyarakat Melayu turut diberi penumpuan. Selepas Perang Dunia Kedua perbincangan menjurus kepada peranan Islam dalam perjuangan kemerdekaan dan isu-isu berkaitan Islam selepas negara mencapai kemerdekaan. Kebangkitan Islam pada tahun 1970-an dan kesannya dalam mencorakkan perkembangan agama, sosial, ekonomi dan politik juga akan menjadi tumpuan perbincangan kerana proses yang berlaku ini telah membuka lembaran baru dalam mencorakkan perkembangan masyarakat Melayu.

HNP3023 POLITIK DAN KERAJAAN 3 KREDIT

Kursus ini meninjau serta mengkaji perkembangan politik semasa di Malaysia dengan tujuan menghuraikan peranan parti-parti politik; konsep perkongsian kuasa; peranan golongan bukan kerajaan; penglibatan masyarakat dalam proses demokrasi. Topik-topik penting yang dikaji termasuk isu-isu politik semasa, strategi-strategi parti politik, peranan media massa, jatuh bangun parti politik, penyertaan parti politik dalam proses pilihan raya negeri dan kebangsaan.

HNP3033 HUBUNGAN ANTARABANGSA MALAYSIA 3 KREDIT

Kursus ini membincangkan teori, objektif serta ciri-ciri hubungan antarabangsa Malaysia. Ia juga menyentuh hubungan antarabangsa Malaysia dalam bidang politik, perdagangan dan kebudayaan di antara negara dan badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Persidangan Negara-negara Islam (OIC), ASEAN, Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Komanwel.

HNP3053 DASAR DAN PENTADBIRAN AWAM DI MALAYSIA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan peranan ahli politik dan pentadbir dalam mempengaruhi penggubalan dasar-dasar negara Malaysia sejak merdeka. Ia meliputi dasar sosial, ekonomi dan politik. Perbincangan juga meliputi peranan agensi berkaitan dalam pelaksanaan dasar-dasar dan hubungannya dengan masyarakat.

HNP3063 EKONOMI POLITIK DI MALAYSIA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan tentang teori ekonomi politik dan aplikasinya dalam konteks masyarakat di Malaysia. Ia juga turut menganalisa tentang ciri-ciri ekonomi dalam politik termasuklah pengeluaran, permintaan awam dan pendapatan negara. Kursus ini juga memfokuskan kepada perkembangan dan perubahan struktur ekonomi Malaysia selepas merdeka sehingga kini seperti rancangan dan pembangunan ekonomi Malaysia yang meliputi Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) dan rancangan-rancangan lima tahun (RMK).

HNP3073 ISU KESELAMATAN MALAYSIA

3 KREDIT

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh masyarakat Malaysia dalam era globalisasi. Penekanan diberikan kepada isu-isu berkaitan dengan konflik dan peperangan serantau, keganasan antarabangsa, jenayah rentas sempadan, kumpulan-kumpulan pelampau, PATI, pemerdagangan manusia, isu tuntutan bertindih, pelanunan, keselamatan alam sekitar, penyakit berjangkit, keselamatan makanan dan keselamatan tenaga. Perbincangan akan juga menumpukan kepada bagaimana Malaysia menghadapi fenomena-fenomena ini.

HNR3013 KAEDAH KUANTITATIF

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan penggunaan kaedah kuantitatif dalam bidang sains sosial. Ia merangkumi konsep asas statistik, pengumpulan data, kaedah statistik deskriptif dan statistik inferens. Kaedah pengujian hipotesis, taburan normal dan persampelan, dan kaedah analisis statistik berkomputer turut dibincangkan.

HNR3023 KAEDAH PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan kaedah penyelidikan dalam bidang sains sosial. Penekanan diberikan kepada pelaksanaan kaedah penyelidikan dan pengurusan data. Ini termasuklah pengumpulan, pengurusan, analisis serta kegunaan data dalam kajian sains sosial dan kemanusiaan.

HNR3996 PROJEK TAHUN AKHIR

6 KREDIT

Kursus ini bertujuan memberi latihan asas kepada pelajar dalam menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penulisan. Kursus ini juga bertujuan memperkembangkan idea-idea kritis serta kreativiti dalam kalangan pelajar untuk membolehkan mereka melihat serta mengkaji pelbagai isu berhubung dengan sains kemanusiaan di sekolah dan dalam masyarakat.

HNS3013 AGAMA DAN MASYARAKAT

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan masyarakat dari segi kehidupan beragama, dan pengaruh agama terhadap perkembangan aspek intelektual, pendidikan, budaya, politik dan ekonomi. Penelitian mengenai peranan dan kesan agama yang mempunyai pelbagai kepercayaan dan budaya akan dilakukan. Isu-isu semasa yang merangkumi murtad, gender dan keganasan akan dianalisis.

HNS3023 BUDAYA DAN WARISAN NASIONAL

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan warisan budaya masyarakat Malaysia. Ini termasuk sejarah perkembangan budaya dan masyarakat. Turut disentuh warisan budaya material dan bukan material.

HNS3053 MASYARAKAT MALAYSIA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan perkembangan masyarakat Malaysia. Tema utamanya mencakupi sejarah perkembangan ekonomi, politik agama, masyarakat dan budaya sejak kurun ke-19.

HNS3063 INTEGRASI DAN PERPADUAN NASIONAL

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan proses integrasi dan perpaduan nasional. Penelitian dibuat ke atas usaha-usaha afirmatif dan dasar-dasar yang dilaksanakan bagi pemupukan hubungan kaum. Perbincangan termasuklah sumbangan dan kerjasama warganegara dalam bidang sosial, ekonomi dan politik ke arah mewujudkan negara bangsa yang aman dan bersatu padu.

HNS3073 KAJIAN GENDER DI MALAYSIA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan teori dan isu-isu gender dalam masyarakat. Ia termasuk gerakan feminisme, soal-soal kesamarataan serta diskriminasi gender. Nilai-nilai agama dan budaya berkaitan dengan gender juga dibincangkan.

HNS3083 PEMBANGUNAN DAN PERUBAHAN SOSIAL

3 KREDIT

Kursus ini meneliti proses pembangunan dan perubahan sosial di Malaysia. Perbincangan meliputi teori dan konsep pembangunan dan perubahan sosial; faktor-faktor perubahan, proses-proses yang membawa perubahan dalam pelbagai institusi sosial dalam masyarakat serta kesannya ke atas masyarakat dan budaya.

HNT3023 PENGANTAR SAINS SOSIAL

3 KREDIT

Kursus ini menerangkan kepentingan sains sosial dalam era teknologi maklumat. Tumpuan diberikan terhadap sejarah, perkembangan dan kedudukan sains sosial. Teori-teori berkaitan dihuraikan. Perbandingan di antara sains sosial dan sains tulen juga diadakan. Perbincangan turut menekankan sains sosial dari perspektif Islam. Langkah ini merangkumi topik-topik masyarakat dan budaya, perkembangan personaliti dan budaya, politik dan kerajaan, manusia dan ekonomi, keadilan sosial, kekeluargaan dan

masyarakat. Penekanan diberi terhadap kepentingan pengetahuan dalam sains sosial dengan harapan perancangan pembangunan, kemajuan dan pemilihan teknologi tidak mengorbankan kesejahteraan sosial.

HNU3013 HAK ASASI DAN MASYARAKAT

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan konsep dan asal-usul hak asasi manusia. Penekanan diberikan kepada Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia 1948, deklarasi serta instrumen antarabangsa lain. Peruntukan terpilih Perlembagaan Persekutuan yang menggariskan aspek hak asasi manusia juga dibincangkan.

HNU3023 SISTEM UNDANG-UNDANG MALAYSIA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan sistem undang-undang di Malaysia yang merangkumi Undang-Undang Adat, Undang-undang Islam dan Undang-undang Sivil. Perbincangan meliputi sejarah undang-undang dan perkembangan serta penggunaannya. Topik-topik lain termasuklah sumber undang-undang, hierarkinya serta aplikasi sumber undang-undang dalam sistem undang-undang negara.

HNU3033 PERLEMBAGAAN MALAYSIA

3 KREDIT

Kursus ini membincangkan sejarah, teori dan proses penggubalan perlembagaan oleh Suruhanjaya Reid. Ini termasuklah struktur perlembagaan serta institusi seperti Yang Dipertuan Agung, legislatif, eksekutif dan kehakiman. Peruntukan perlembagaan yang mencakupi isu hak asasi manusia, federalisme, undang-undang darurat dan pindaan perlembagaan turut dibincangkan.

TABLE OF CONTENTS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 119-120

Background

Vision/ Mision/ Motto/ Aims

FACULTY OF HUMAN SCIENCES 121-128

Background / Aims / Vision dan Mision / Quality Objectives

Programs Offered / Academic Calender

Bachelor of Education With Honors Programme Structure

Bachelor with Education with Honors Programme Structure

Department of History 129-136

Objectives

Programme Structure

Major

Minor

Study Structure According To Semester

Department of Geography and Environment 137-143

Objective

Programme Structure

Major

Minor

Study Structure According To Semester

Department of Islamic Education 144-152

Objectives

Programme Structure

Major

Minor

Study Structure According To Semester

Department of Social Studies and Citizenship

153-161

Objectives

Programme Structure

Major

Study Structure According To Semester

GENERAL

162-164

Faculty Facilities / Student Rules / Contact Information

Operational Hours With Faculty / Conclusion

APPENDIX

University Course Synopsis

165-196

Professional Education Course Synopsis

Teaching Practise Course Synopsis

Self Enrichment List and Course Synopsis

Major Course Synopsis

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

BACKGROUND

The Sultan Idris Education University (UPSI) has played its own unique role in the educational history of this nation. At the beginning of its inception this University was a Teachers' Training College before it was upgraded to what it is now. UPSI went through three different eras, Sultan Idris Training College (SITC), 29 November 1922 - 1957, Sultan Idris Teachers' Training College (MPSI), 1957 - 1987 and Sultan Idris Teachers Institute (IPSI), 21 February 1987 - April 1997. These three eras saw the institution producing generations of teachers and educators that spanned 75 years. It entered a new era in 1 May 1997 when the institute was upgraded to a University. It was officially named Sultan Idris Education University under the Government gazette RU. (A) 132 & 133 on 24 February 1997 under the Order of Universiti Pendidikan Sultan Idris (Corporation) and the Order of Universiti Pendidikan Sultan Idris (Campus) 1997.

At the beginning of its establishment there were only four faculties offering ten programs of studies. They were the Faculty of Languages, the Faculty of Social Sciences and Arts, the Faculty of Science and Technology and the Faculty of Cognitive Sciences and Humanities. The number of programs increased over the years. In 2002 two more faculties were established, namely the Faculty of Business and Economics at the Faculty of Information Technology and Communication. All in all there were six faculties offering 19 courses of study at Bachelors level. This increase reflected the transformation carried out to cater to the academic needs and the ever increasing number of students enrolling at this University. Later, the Faculty of Social Sciences and Arts was renamed the Faculty of Arts and Music whereas the Faculty of Social Sciences and Humanities and the Faculty of Sport Sciences were established as new faculties.

The restructuring of all the faculties in UPSI was implemented in 1 June 2010 with the objective of increasing its competitiveness. This objective is put in place in order to realise the university's stated vision and mission of being a pioneer institution in innovation and creativity, research, commercialisation, high-impact and creative inventions and producing a creative workforce to further develop the nation. The newly established faculties are as follows:

LIST OF FACULTIES

1. Faculty of Human Development;
2. Faculty of Science and Mathematics;
3. Faculty of Languages and Communication;

4. Faculty of Sport Sciences and Coaching;
5. Faculty of Human Science;
6. Faculty of Music and Performing Arts;
7. Faculty of Arts, Computing and Creative Industry;
8. Faculty of Management and Economics; and
9. Faculty of Technical and Vocational.

UPSI VISION

To be a prestigious University providing exceptional leadership in education based on the advantage of broad experience and high level of competency in meeting global changes.

UPSI MISSION

To generate and foster knowledge through teaching, research, publication, consultancy and community services to achieve the vision of the nation.

UPSI MOTTO

" Achieving Vision Through Excellent Education".

UPSI AIMS

